



**KENYATAAN MEDIA**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**PENGGANTUNGAN SEMENTARA PENJUALAN TIKET LALUAN PERJALANAN  
LENGKAP VAKSIN (*VACCINATED TRAVEL LANE*) ANTARA MALAYSIA-SINGAPURA**

Pada 29 November 2021, Malaysia dan Singapura telah bersetuju untuk memulakan inisiatif “Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin” (*Vaccinated Travel Lane*; VTL) melalui udara dan darat. Umum mengetahui kemudahan VTL adalah terhad kepada para pengembara yang telah menerima dos lengkap vaksin COVID-19.

Melalui kemudahan ini, pengembara tidak perlu menjalani tempoh kuarantin wajib apabila tiba di destinasi – namun masih tertakluk kepada keperluan untuk menjalani ujian pengesanan COVID-19 sebelum berlepas dan semasa ketibaan.

Seterusnya pada 7 Disember 2021, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengumumkan tindakan pengukuhan kepada langkah-langkah pencegahan dan kawalan sedia ada bagi pengembara dari luar negara, termasuk pengembara yang tiba di pintu masuk antarabangsa Malaysia melalui inisiatif VTL. Tindakan pengukuhan yang dinyatakan adalah seperti berikut:

- **Ujian RTK-Ag** atau ujian pantas antigen (**kendiri**) pada hari **ke-2, ke-4, dan ke-6** selepas ketibaan;
- **Ujian RTK-Ag** atau ujian pantas antigen (**professional**) pada hari **ke-3 dan ke-5** selepas ketibaan.

Pada 20 Disember 2021, Kementerian Kesihatan Singapura telah mengeluarkan kenyataan media berhubung kejadian satu kluster tempatan COVID-19 yang melibatkan tiga (3) kes positif. Hasil ujian lanjut yang dijalankan mendapati dua (2) daripadanya menunjukkan

kemungkinan varian Omicron, sementara keputusan bagi lain-lain kes masih lagi belum selesai (*pending*). Ketiga-tiga kes ini tidak mempunyai sebarang sejarah perjalanan ke luar negara.

Mengambil kira perkembangan terkini yang dilaporkan oleh Singapura, KKM ingin memaklumkan **penggantungan sementara penjualan tiket bas dan penerbangan bagi kedua-dua inisiatif VTL antara Malaysia-Singapura (iaitu melalui laluan udara dan darat), berkuatkuasa sepanjang tempoh 23 Disember 2021 sehingga 20 Januari 2022.**

Bagi pengembara yang telah pun memiliki tiket perjalanan bagi VTL darat dan udara serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, mereka boleh meneruskan perjalanan di bawah inisiatif VTL ini. Penjualan tiket bas dan penerbangan bagi kedua-dua inisiatif VTL ini akan dibuka semula bermula 21 Januari 2022 selepas penilaian risiko dibuat berdasarkan situasi COVID-19 semasa di kedua-dua negara. Bagaimanapun, kuota tiket yang dijual akan dikurangkan daripada kuota sedia ada.

Maklumat lanjut berhubung arahan terkini bagi penggantungan sementara penjualan tiket bas dan penerbangan bagi inisiatif VTL udara dan darat antara Malaysia-Singapura boleh dirujuk kepada Kementerian Pengangkutan Malaysia (VTL Udara) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (VTL Darat).

Kementerian Kesihatan Malaysia ingin menyarankan semua pengembara supaya bertanggungjawab dan sentiasa mematuhi arahan serta SOP yang telah ditetapkan. Lakukan ujian pengesan COVID-19 sendiri secara berkala bagi mengetahui status risiko diri sendiri dan seterusnya mampu mengurangkan risiko jangkitan kepada individu lain.

**KHAIRY JAMALUDDIN**

Menteri Kesihatan Malaysia

22 Disember 2021